



# TEKS UCAPAN



**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**  
**MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,**  
**KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MALAM APRESIASI MEDIA PERAK**

**DI HOTEL IMPIANA, IPOH, PERAK**

**27 FEBRUARI 2016**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera, salam satu Malaysia, salam satu KPDNKK

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato' Sri Alias Bin Hj. Ahmad,**

Ketua Setiausaha Kementerian

**Yang Berbahagia Dato' Basaruddin Bin Sadali,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)

**Yang Berbahagia Dato' Razali Othman**

Timbalan Ketua Setiausaha (Francais & Kepenggunaan)

**Yang Berbahagia Dato' Zaidon Bin Asmuni**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

**Encik Sayed Mohd Hesham Syed Idris**

Ketua Biro Utusan Malaysia Perak merangkap

Presiden Persatuan Pengamal Media Perak

Ketua-ketua Editor, Ketua-ketua Biro

Yang diraikan rakan-rakan media daripada media cetak dan media elektronik dari seluruh negeri Perak

Ketua-ketua Agensi di bawah KPDNKK, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian

Seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama-tama marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita bertemu pada malam ini bagi menjayakan Malam Apresiasi Media Perak 2016.
2. Bagi saya, penganjuran majlis ini adalah satu usaha murni yang mempunyai matlamat yang tersendiri dalam mengangkat bidangewartawanan di negara kita. Bagi kami di KPDNKK, media ataupun wartawan adalah merupakan kawan setia kami, yang saling memerlukan. Kami memerlukan anda semua sebagai mata, telinga dan melaporkannya kepada masyarakat pengguna, manakala anda semua memerlukan kami untuk mendapatkan maklumat serta info untuk melaporkannya kepada pendengar, pembaca serta penonton.
3. Penganjuraan Malam Apresiasi Media Perak ini bukan sahaja diadakan untuk meraikan para wartawan di negeri ini, tetapi ia juga menjadi lambang semangat setiakawan yang tinggi dalam kalangan pengamal media di negara ini.
4. Sumbangan para pengamal media bukan sahaja mencakupi dunia pendidikan bahkan di dalam segenap cabang dan disiplin kehidupan termasuk aspek kepenggunaan. Dari medan perang ke gelanggang sukan, dari politik ke

ekonomi, dari jenayah ke hiburan, dari pelancongan ke teknologi, sains dan kesihatan, tempatan ke antarabangsa dan sebagainya. Betapa hebatnya kuasa sang wartawan walaupun kata-kata sinis dan keji adakalanya singgah sebentar di telinga mereka.

5. Kewartawanan bertanggungjawab adalah untuk membina, menjaga dan memelihara apa yang telah kita bina sedangkan kewartawanan tidak bertanggungjawab adalah sebaliknya – memusnahkan.
6. Bagaimanapun, apa yang melegakan dan membanggakan saya adalah komuniti wartawan di negara ini, terutama dalam kalangan media arus perdana, mempunyai komitmen yang bersungguh-sungguh untuk menjadikan prinsip kewartawanan yang bertanggungjawab sebagai pegangan mereka.
7. Dunia pemberitaan kini semakin mencabar dengan adanya platform media sosial yang lebih pantas seperti facebook, twitter, instagram, whatsapp serta telegram. Bayangkan majlis yang kita hadiri pada malam ini walaupun baru bermula, tetapi jutaan masyarakat atau rakan telah mengetahui apa yang berlaku sejam sebelum ianya bermula tadi.
8. Saya percaya biar secanggih mana pun teknologi yang digunakan dalam dunia kewartawanan baik di media cetak, elektronik mahu pun portal-portal berita, etika serta tanggungjawab anda sebagai wartawan tidak pernah berubah. Arus pemodenan tidak boleh menyanggah prinsip asas pemberitaan yang hakikatnya bersifat universal dan terpakai dahulu, kini dan selama-lamanya.
9. Dalam ruang lingkup kementerian ini, peranan media bukan sekadar menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat, malah media juga melibatkan diri dalam aspek pendidikan kepenggunaan dan ekonomi domestik. Bilamana laporan berita itu disampaikan dengan tepat dan sah, maka impaknya sangatlah besar dalam melahirkan pengguna yang bijak dalam menentukan kelangsungan hidup mereka. Ini juga akan memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi domestik negara.

**Sidang hadirin sekalian,**

10. Berada bersama rakan-rakan wartawan pada majlis ini memberikan saya kegembiraan kerana saya dapat merakamkan sendiri penghargaan kepada wartawan dan pengamal media yang begitu banyak membantu kementerian serta menjadi pengkritik yang membina selama ini.
  
11. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada anda semua yang sering mewar-warkan program kementerian ini, termasuk juga aktiviti di parlimen saya melalui media masing-masing.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum wbt. Terima kasih.